

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN  
(BANDAR KUCHING)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah senarai sempurna barang yang akan dikecualikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) semasa sistem perckaian itu dilaksanakan mulai 1-4-2015.

**JAWAPAN**

Senarai barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST telah pun diwartakan melalui Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 [P.U. (A) 271/2014] dan Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 [P.U. (A) 272/2014].

<sup>342</sup>  
**SOALAN ( 343 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apa sebabnya Kerajaan tidak memberi peruntukan kepada Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) untuk menaiktarafkan parit tanah ke parit semen di Lorong-lorong 8C, 8D, 8E, 8F dan 8G Sungai Apong Baru Resettlement Scheme, Kuching, Sarawak. Bilakah peruntukan tersebut akan diperuntukkan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak menerima apa-apa permohonan daripada Majlis Bandaraya Kuching berkaitan dengan projek yang dinyatakan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[Bandar Kuching]**

**SOALAN : 343**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan siapakah kontraktor-kontraktor yang disenaraikan untuk sebut tender dalam tender terhad untuk projek pembinaan Jalan Poi/Ngemah/Temalat/Song/Kapit, Seksyen C Fasa 3, Pakej C, Jalan Poi/Ngemah/Temalat/Song/Kapit, Sarawak. Siapakah yang akhirnya dipelawakan projek tersebut dan apakah amaun yang disebutkan dalam tendernya.

**Jawapan :**

- (a) Untuk makluman Yang Di Pertua, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelaksanaan projek pembinaan Jalan Poi/Ngemah/Temalat/Song/Kapit, Seksyen C Fasa 3, Pakej C, Jalan Poi/Ngemah/Temalat/Song/Kapit, Sarawak secara tender terhad di kalangan sepuluh (10) syarikat seperti berikut:
- 1) Kalaka Jaya Sdn Bhd;
  - 2) Highway C.O.N. Enterprise;
  - 3) Faltech Engineering Sdn Bhd;
  - 4) Tripods Sdn Bhd;
  - 5) Empayer Megah Engineering Sdn Bhd;
  - 6) Sedes Enterprise Sdn Bhd;
  - 7) Samado Sdn Bhd;
  - 8) Mahligai Kekal Sdn Bhd;
  - 9) Dynadeal Sdn Bhd; dan
  - 10) Prasarana Sempurna Sdn Bhd.
- (b) Untuk makluman juga, tender ini telah dipelawa dan dinilai oleh kementerian dan kini dalam tindakan Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[Bandar Kuching]**

**SOALAN : 344**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan siapakah kontraktor-kontraktor yang disenaraikan untuk sebut tender dalam tender terhad untuk projek pembinaan Jalan dan Jambatan Melintasi Sungai Kanowit (Seksyen A), Kanowit, Sarawak. Siapakah yang akhirnya dipelawakan projek tersebut dan apakah amaun yang disebutkan dalam tendernya.

**Jawapan :**

- (a) Untuk makluman Yang Di Pertua, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelaksanaan Projek Membina Jalan dan Jambatan Melintasi Sungai Kanowit (Seksyen A), Kanowit, Sarawak secara tender terhad di kalangan sepuluh (10) syarikat seperti berikut:
- 1) KACC Construction Sdn Bhd;
  - 2) Sedes Enterprise Sdn Bhd;
  - 3) Prasarana Sempurna Sdn Bhd;
  - 4) Tripods Sdn Bhd;
  - 5) Hellegerwish Sdn Bhd;
  - 6) Javel Engineering Sdn Bhd;
  - 7) Highway C.O.N. Enterprise;
  - 8) Faltech Engineering Sdn Bhd;
  - 9) Dynadeal Sdn Bhd; dan
  - 10) Kejuruteraan Lasme Sdn Bhd.
- (b) Untuk makluman juga, tender ini telah dipelawa dan dinilai oleh kementerian dan kini dalam tindakan Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan.